

30/10/2003

'Dr M beri sumbangan besar majukan pendidikan'

Syuhada Choo Abdullah

RAKYAT terhutang budi atas jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang amat besar dalam bidang pendidikan sehingga membolehkan sistem pendidikan negara mengalami pembaharuan begitu ketara di bawah kepimpinannya selama ini, kata Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Katanya, Dr Mahathir yang sentiasa memberikan sepenuh komitmen, gigih berusaha serta berpandangan jauh sepanjang tempoh 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri, juga membawa Malaysia mengukir pelbagai kejayaan sekali gus menjadikan negara makmur dan maju.

Ketika Dr Mahathir menjadi Menteri Pelajaran pada 1974, beliau berkata, Laporan Jawatankuasa Kabinet yang dikenali sebagai 'Penyata Mahathir' mencadangkan rangka sistem pendidikan bagi mewujudkan generasi berdisiplin, patriotik dan beridentitikan Malaysia.

Berikutan itu, katanya, jawatankuasa berkenaan mengemukakan suatu hasil

penting, iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSR berteraskan asas 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira, di samping pemupukan nilai murni.

KBSM pula bercorak umum serta liberal, di mana pelajar mengikuti pelajaran dalam komponen bahasa, sains sosial, sains dan juga vokasional.

"Perubahan ini melahirkan Dasar Pendidikan Negara yang memberi tumpuan terhadap perpaduan negara ke arah mewujudkan generasi berilmu, berbudaya maju, berteknologi dan berketrampilan. Jelaslah bahawa Dr Mahathir meletakkan Malaysia di landasan tepat ke arah memacu kemajuan dan pembangunan setanding negara maju lain di dunia.

"Dr Mahathir juga seorang pemimpin berpandangan jauh. Beliaulah pemimpin bertanggungjawab memperhebatkan gerakan pembaharuan dalam bidang pendidikan. Beribu-ribu pelajar dihantar ke luar negara, terutama Jepun dan Korea Selatan di bawah Dasar Pandang Ke Timur.

"Perdana Menteri amat kagum dengan nilai dan budaya kerja rakyat Jepun serta Korea Selatan dan mahu rakyat Malaysia mencontohi serta menerapkan pengurusan cekap dan pantas bagi menjadikan negara maju dan bermaruah.

"Jepun dan Korea Selatan dijadikan model kejayaan kerana ada banyak persamaan dengan Malaysia dari segi lokasi serta kegiatan pertanian, apatah lagi Jepun memberi penekanan kepada pendidikan vokasional, teknikal

dan sains teknologi yang sudah tentu dapat membantu Malaysia untuk memenuhi impian menjadi negara maju selaras Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan khasnya sempena persaraan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, esok. Teks perutusan terbabit disampaikan pada perhimpunan khas yang diadakan serentak di semua institusi bawah Kementerian Pendidikan, merangkumi sekolah, maktab perguruan, politeknik dan kolej matrikulasi, jam 9.00 pagi ini. Teks perutusan itu turut difaks ke Berita Harian semalam.

Selain itu, Musa berkata, Dr Mahathir juga amat yakin bahawa

penguasaan

bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan antarabangsa, amat penting bagi meneroka bidang ilmu.

Justeru, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris diperkenalkan mulai awal tahun ini di semua sekolah.

Seiring perkembangan itu, katanya, digalakkan pengintegrasian teknologi

maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran melalui perluasan prasarana komputer ke sekolah.

Beliau berkata, Perdana Menteri turut memperkenalkan sistem meritokrasi

dalam pengambilan pelajar ke universiti awam supaya wujud persaingan berdasarkan merit dan kesan pencapaiannya amat membanggakan kerana ramai berjaya melepasi halangan itu, manakala graduan dilahirkan pula berpeluang

mendapat pekerjaan daripada projek Koridor Raya Multimedia.

"Saya bagi pihak semua warga pendidik mengucapkan selamat bersara kepada

Perdana Menteri dan berdoa semoga dikurniakan kesihatan yang baik agar dapat terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

"Kita juga mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri baru dan berdoa semoga beliau sebagai pemimpin berpengalaman luas, akan menyemarakkan lagi dunia pendidikan negara dengan

membawa banyak lagi perubahan demi mempertingkatkan kehidupan rakyat ke tahap lebih baik selaras peredaran masa yang bergerak pantas ini," katanya.